

25/02/2000

Pegawai kerajaan jangan memihak

KUALA LUMPUR, Khamis - Kakitangan perkhidmatan awam hari ini diingatkan supaya mengekalkan imej profesion mereka dengan menjauhkan diri daripada rasuah dan mengamalkan sikap berkecuali.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, selagi penerima rasuah tidak menjadikan amalan itu sebagai budaya, perkhidmatan awam negara akan bersih daripada gejala buruk itu.

Perdana Menteri berkata, sikap profesionalisme kakitangan awam pula penting untuk menentukan pentadbiran berjalan dengan berkesan.

"Profesionalisme bermakna khidmat yang diberi tidak berpartisan, tidak memihak kepada sesiapa, sebaliknya ia hanya bertujuan untuk menjayakan urusan kita," katanya ketika berucap pada majlis perdana Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini.

Ucapannya yang bertemakan "Perkhidmatan awam dalam alaf baru: Cabaran dan prospek" itu turut menyentuh isu globalisasi, langkah kerajaan menangani kegawatan ekonomi, persyarikatan Malaysia dan kerajaan elektronik.

Beliau kemudian mengadakan dialog tertutup selama 90 minit dengan kira-kira 500 pegawai kanan kerajaan yang menghadiri majlis itu. Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Samsudin Osman.

Dr Mahathir berkata, rasuah tidak mudah dikesan tetapi lambat laun ia dikesan juga dan tindakan ke atas mereka yang terbabit jauh lebih berat daripada apa mereka terima.

"Walaupun kita bergaul dengan swasta, kita tentu tidak akan membenarkan diri kita terbabit dengan rasuah. Kita mungkin percaya rasuah tidak akan dikesan. Tetapi jangan terlalu yakin kerana sudah ramai yang telah menerima hukuman yang berat," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, semua perkhidmatan kerajaan di negara ini termasuk tentera adalah profesional. Tentera akan menurut arahan kerajaan semasa dan bukanlah menjadi peranan mereka untuk membentuk dasar negara sama ada di dalam atau di luar negara.

"Tentera juga tidak memihak kepada mana-mana parti politik serta tidak mempunyai pendirian tersendiri. Kesetiaan tentera bukanlah kepada panglima atau pegawai ketenteraan tetapi kepada kerajaan semasa yang memerintah.

"Sudah tentu jika panglima atau pegawai memberi arahan untuk menentang kerajaan, maka ini tidak akan mencerminkan profesionalisme tentera.

"Sebagai anggota profesional, arahan seperti itu tidak mengikat tentera," katanya sambil menambah, Malaysia tidak akan menghadapi masalah seperti di sesetengah negara yang memperlihatkan perebutan kuasa oleh tentera.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata, ancaman yang dibawa proses itu kepada Malaysia dan negara membangun lain seperti sering diperkatakannya bukanlah bertujuan menakutkan kakitangan awam bagi memastikan kerajaan mendapat sokongan politik.

"Sebaliknya apa yang diperkatakan ini sudahpun berlaku. Hanya dengan menjatuhkan nilai mata wang, negara yang kaya boleh menjadi miskin, keamanan negara boleh digugat, rusuhan berlaku dan kerajaan ditumbangkan.

"Mungkin mereka yang ingin kerajaan tertentu dijatuhkan akan melihat peristiwa kejatuhan kerajaan sebagai satu kebaikan. Tetapi jangan fikir kerajaan yang mengantinya akan selamat.

"Jika kerajaan yang mengganti tidak sujud kepada kuasa asing ini, ia

akan diancam dan dijatuhkan juga. Dengan perkataan lain, negara sudah dijajah. Sebab itu, kita harus berwaspada dan tidak membakar kelambu kerana marahkan nyamuk," katanya.

(END)